

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan sijil vaksinasi kita diperakui oleh berapa banyak negara lain pada masa ini. Adakah Kerajaan kita mempunyai persetujuan bersama dengan negara-negara ini untuk membenarkan rakyat Malaysia yang telah diberi vaksin sepenuhnya untuk mengunjungi negara mereka tanpa syarat atau keperluan kuarantin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pematuhan sijil vaksinasi digital COVID-19 negara kepada piawaian antarabangsa sebagaimana yang digariskan oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memudahkan rundingan pengiktirafan sijil vaksinasi COVID-19 dengan negara asing sebagai persediaan pembukaan sempadan. Setakat ini, Malaysia telah mengadakan rundingan dengan beberapa buah negara seperti Singapura, Republik Rakyat China dan Kesatuan Eropah. Sehingga kini, rundingan yang telah dimuktamadkan adalah dengan Singapura.

2. Selain daripada Kementerian Kesihatan, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Luar Negeri (KLN) juga telah menerima banyak permohonan secara terasing melalui pelbagai saluran daripada negara asing untuk mengiktiraf sijil vaksinasi COVID-19 yang dikeluarkan oleh negara masing-masing bagi tujuan memudahkan pergerakan warga mereka memasuki Malaysia.

SOALAN NO : 20

3. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan, MOSTI dan KLN pada ketika ini sedang dalam peringkat akhir penyediaan kertas Memorandum Jemaah Menteri mengenai pengiktirafan sijil vaksinasi COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan sebagai sijil rasmi COVID-19 Kerajaan Malaysia bagi tujuan pertukaran pengiktirafan dengan negara luar agar proses tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih teratur melalui saluran diplomasi di bawah KLN dan diikuti dengan rundingan teknikal oleh MOSTI. Pengiktirafan sijil vaksinasi COVID-19 antara Malaysia dengan negara asing adalah penting untuk dilaksanakan bagi memberi akses kepada kesinambungan aktiviti ekonomi antara negara, memudahkan proses masuk dan keluar dari sempadan negara dan pada masa yang sama memastikan kawalan kesihatan awam dan keselamatan warga di negara-negara terlibat tetap terjaga.

4. Tidak dinafikan, Malaysia harus turut mengambil peluang untuk mempromosikan sijil vaksinasi digital COVID-19 negara kepada negara asing dan seterusnya mendapatkan pengiktirafan secara timbal balas atau sehalu (*unilateral*) melalui pejabat kedutaan dan Pejabat Perwakilan Malaysia (MALAWAKIL) bagi kemudahan pergerakan rakyat Malaysia di negara luar.

5. Untuk makluman, perbincangan dan rundingan dua hala pengiktirafan sijil vaksinasi dengan negara asing akan melibatkan dua (2) komponen utama, iaitu:

- (i) kawalan dan prosedur kesihatan awam yang perlu dipatuhi bagi tujuan rentas sempadan negara yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan; dan
- (ii) perbincangan teknikal spesifikasi sijil vaksinasi yang diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

6. Walaupun tanpa persetujuan bersama, dua buah negara luar telah sedia memberikan kelonggaran kepada pengembara yang tiba dari Malaysia iaitu:

- (i) **United Kingdom:** Tiada keperluan untuk menjalani tempoh kuarantin wajib bagi pengembara yang tiba dari Malaysia

SOALAN NO : 20

dengan mempunyai bukti telah menerima vaksin COVID-19 (terhad kepada vaksin Pfizer BioNTech dan Astrazeneca) yang lengkap 14 hari sebelum tarikh ketibaan. Mereka sekadar perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 pada atau sebelum hari kedua selepas tiba di negara tersebut;

- (ii) **Amerika Syarikat:** Tiada keperluan untuk menjalani tempoh kuarantin wajib bagi pengembara yang tiba dari Malaysia dengan mempunyai bukti telah menerima vaksin COVID-19 yang lengkap 14 hari sebelum tarikh ketibaan. Mereka sekadar perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 dalam masa 3 hari sebelum berlepas ke Amerika Syarikat, dan seterusnya sekali lagi sekitar hari ketiga sehingga hari kelima selepas tiba di negara tersebut. Begitu juga, mereka perlu menjalankan pemantauan kesihatan sendiri selepas tiba dan sekiranya bergejala, untuk segera menjalankan ujian COVID-19 serta mengasingkan diri.

Sekian, terima kasih.